

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
PENDIDIKAN JARAK JAUH****PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER OKTOBER SESI 2002/2003****KOD/NAMA KURSUS : AN1022 TAMADUN ISLAM & TAMADUN ASIA II****TARIKH : 17 FEBRUARI 2003 (ISNIN)****MASA : 9.00 - 11.30 PAGI (2 1/2 JAM)****TEMPAT : DEWAN PEPERIKSAAN, UUM (DP 2/1)
ITTAR, KUALA LUMPUR****ARAHAN:**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2) Bahagian : Bahagian A dan B** di dalam **SEMBILAN BELAS (19)** halaman bercetak.
2. **Bahagian A** mengandungi **LAPAN PULUH (80)** soalan objektif dan jawab **SEMUA** soalan di dalam borang 'OMR' yang disediakan.
3. **Bahagian B** mengandungi **DUA (2)** soalan esei dan jawab **SEMUA** soalan pada kertas jawapan yang disediakan.

NO. MATRIK : _____

| | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|

*(dengan perkataan)**(dengan angka)***NO. K/P :** _____

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

NAMA PENSYARAH : _____***JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN***

BAHAGIAN A: Soalan Objektif: Jawab semua soalan

1. Konsep 'Lima Hubungan' dalam tamadun China adalah seperti berikut

KECUALI:

- A- Ibu-bapa dengan anak
- B- Suami dengan isteri
- C- Adik-beradik
- D- Kawan serta sahabat
- E- Guru dengan anak murid

2. *"Manusia adalah baik ketika dilahirkan. Justeru ia berpotensi untuk mencapai empat jenis sifat yang baik iaitu berperikemanusiaan, kewajaran, kesopanan dan kearifan"*

Kenyataan di atas datangnya daripada seorang tokoh falsafah China bernama:

- A- Xun Xi
- B- Lao Zi
- C- Mencius
- D- Kong Fu Tze
- E- Shih Huang Ti

3. Tamadun China yang bermula di Huanghe berada di kawasan negara China.

- A- Utara
- B- Selatan
- C- Timur
- D- Barat
- E- Tenggara

4. 'Ren' merujuk kepada satu perasaan. Apakah perasaan tersebut?

- A- Kebencian
- B- Keilmuan
- C- Kasih sayang
- D- Kekecewaan
- E- Keseronokan

5. Kehidupan yang makmur dan harmoni di lembah Huanghe dikatakan berpunca dari

- A- Kemahiran masyarakatnya membuat alat tembikar
- B- Kepintaran menghasilkan sutera
- C- Tanah yang subur hasil kelodak sungai Kuning
- D- Penanaman sekoi dan gandum yang banyak
- E- Kemajuan dalam bidang keagamaan

6. merupakan seorang maharaja yang telah menyatupadukan negara China selepas perpecahan yang dicituskan oleh sistem feudal.
- A- Chiang Kai Shik
 - B- Wong Fei Hong
 - C- Kung Fu Tze
 - D- Shih Huang Ti
 - E- Cheng Ho
7. Berikut merupakan beberapa buah kerajaan yang muncul di dalam tamadun China pada tahap Pembinaan (2100-220SM) **KECUALI:**
- I- Dinasti Zhou
 - II- Dinasti Han
 - III- Dinasti Xia
 - IV- Dinasti Song
 - V- Dinasti Yuan
- A- I dan II
 - B- III dan IV
 - C- II, III dan IV
 - D- IV dan V
 - E- II dan V
8. Confucious mengingatkan kepada pengikutnya supaya keuntungan yang dicari dalam menjalankan kegiatan ekonomi harus dilakukan bersama dengan satu sikap mulia iaitu
- A- Zhi
 - B- Chi
 - C- Yi
 - D- Shio
 - E- Dao
9. Seseorang yang ingin muncul sebagai '*Junzi*' harus memiliki ciri atau sifat-sifat tertentu. Antaranya ialah:
- A- Berilmu, berkebolehan, bijaksana, murah hati
 - B- Murah hati, baik, pemaaf, kuat
 - C- Perkasa, cerdik, sopan-santun
 - D- Lemah lembut, berbudi bahasa, penyayang
 - E- Kuat, berani, pendamai

10. Apakah konsep yang diguna-pakai oleh pemerintah dalam dinasti Zhou bagi menarik sokongan rakyat terhadap mereka?
- A- Raja mendapat mandat dari langit
 - B- Raja berketurunan Dewi Kuan Yin
 - C- Raja mendapat mandat dari syurga
 - D- Raja mendapat kuasa dari maharaja
 - E- Raja mendapat mandat dari rakyat
11. *"Tamadun China tidak menolak pengaruh daripada tamadun lain. Ia tidak mengamalkan dasar diskriminasi. Justeru itu ia boleh menerima pengaruh dari tamadun lain".*

Apakah ciri khusus yang digambarkan melalui pernyataan di atas?

- A- Dinamik
 - B- Integrativ
 - C- Unifikasi
 - D- Moderatif
 - E- Selektif
12. Konsep 'Feng-shui' dalam tamadun China bermaksud
- A- Angin dan air
 - B- Air banjir
 - C- Air laut
 - D- Air hujan
 - E- Angin pasang
13. Sistem Peperiksaan Awam digunakan secara rasmi dalam era pemerintahan kerajaan
- A- Song dan Tang
 - B- Zhou dan Ming
 - C- Xia dan Zhou
 - D- Yuan dan Qing
 - E- Han dan Zhou
14. Lao Tze merupakan pengasas kepada ajaran Taoisme. Apakah yang dimaksudkan dengan Lao Tze?
- A- Pahlawan yang bijaksana
 - B- Mahaguru yang bijaksana
 - C- Ahli falsafah yang dihormati
 - D- Orang tua yang bijaksana
 - E- Lelaki yang gagah perkasa

15.merupakan asas falsafah China.
- A- Daoisme
 - B- Taoisme
 - C- Konfucianisme
 - D- Legalisme
 - E- Humanisme
16. Kedatangan Islam ke negara China dikatakan bermula di dalam zaman pemerintahan
- A- Dinasti Han
 - B- Dinasti Ming
 - C- Dinasti Tang
 - D- Dinasti Song
 - E- Dinasti Zhou
17. Menurut tokoh-tokoh falsafah China, elemen terpenting untuk menghasilkan manusia yng bermoral dan meningkatkan kualiti personaliti seseorang manusia ialah
- A- Pertapaan
 - B- Meditasi
 - C- Pembelajaran
 - D- Penyiksaan
 - E- Berpuasa
18. Aliran falsafah seperti Confucianisme, Taoisme dan Legalisme muncul pada tahap Tamadun China.
- A- Pembinaan
 - B- Keemasan
 - C- Peralihan
 - D- Moden
 - E- Kejatuhan
19. Masyarakat tradisi China dibahagikan kepada empat kelas utama, iaitu:
- I- Golongan cerdik pandai
 - II- Golongan petani
 - III- Golongan tukang
 - IV- Golongan pentadbir
 - V- Golongan peniaga
 - VI- Golongan tentera
- A- I, II, III dan IV
 - B- II, III, IV dan V
 - C- I, III, IV dan V
 - D- I, II, III dan V
 - E- I, II, V dan VI

20. Apakah sumbangan Dinasti Tang dalam pentadbiran kerajaan China?
- A- Pembentukan Enam Majlis dan Tiga Kementerian
 - B- Pembentukan jawatan Kementerian Dalam Negeri
 - C- Pembentukan Tiga Majlis dan Enam Kementerian
 - D- Pembentukan Enam Majlis dan Enam Kementerian
 - E- Pembentukan institusi parlimen
21. Semua kenyataan di bawah adalah berkaitan dengan teori kedatangan Islam ke China **KECUALI**:
- A- Islam di bawa oleh Saad bin Abi Waqas
 - B- Islam di bawa oleh Saad bin Lubayd
 - C- Islam di bawa oleh Ali bin Abi Talib
 - D- Islam di bawa oleh Hamzah bin Hamzah
 - E- Islam dibawa melalui Jalan Sutera dan Laut
22. Siapakah nabi yang dimaksudkan oleh Confucious di dalam satu kenyataannya " *di bahagian Barat ada seorang Nabi* " ?
- A- Nabi Isa
 - B- Nabi Musa
 - C- Nabi Ishak
 - D- Nabi Muhammad
 - E- Nabi Adam
23. Kemasukan Islam ke negara China pada peringkat awal tidak memberi banyak masalah kerana beberapa faktor. Apakah faktor yang paling sesuai?
- A- China sudah menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara Arab
 - B- Islam tidak mengganggu peribadatan agama-agama lain di China
 - C- Persamaan pakaian tradisi China dengan jubah orang-orang arab
 - D- Keserasian ajaran moral Confucious dengan prinsip akhlak Islam
 - E- Tamadun China tidak mementingkan sangat soal keagamaan
24. Terdapat dua (2) golongan Melayu yang menetap di Nusantara sejak 2500-1500SM iaitu :
- A- Melayu Proto dan Melayu Neutro
 - B- Melayu Proto dan Deutro
 - C- Melayu Proto dan Melayu Negrito
 - D- Melayu Negrito dan Melayu Deutro
 - E- Melayu Negrito dan Melayu Netro

25. Institusi pengajian Islam telah memberi sumbangan yang cukup bermakna terhadap pembangunan kerohanian dan keilmuan tamadun Melayu. Institusi yang menjadi tulang belakang perkembangan pendidikan ini dikenali sebagai di Semenanjung Tanah Melayu, di Aceh dan di Sulawesi.
- A- Pondok/pasantren/surau
 - B- Pondok/dayah/surau
 - C- Pondok/surau/pasentren
 - D- Pondok/pasentren/dayah
 - E- Pondok/dayah/pasentren
26. Siapakah yang mula memakai gelaran sultan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
- A- Mahmud Shah
 - B- Muzaffar Shah
 - C- Alauddin Riayat Shah
 - D- Parameswara
 - E- Mansur Shah
27. Kenyataan berikut menggambarkan kesan kedatangan Islam terhadap sistem politik di Alam Melayu **KECUALI**:
- A- Mewujudkan sistem pentadbiran mengikut kehendak Islam
 - B- Memperbetulkan beberapa aspek penting seperti kedaulatan dan teras rujukan pentadbiran
 - C- Islam mengiktiraf setiap Muslim adalah sama
 - D- Kedatangan Islam telah menukar gelaran raja kepada sultan
 - E- Raja atau sultan merupakan pemerintah yang suci lagi dihormati
28. “*Serambi Mekah*” merupakan jolokan yang pernah diberikan kepada sebuah kawasan di Alam Melayu suatu ketika dahulu. Kawasan tersebut ialah
- A- Melaka
 - B- Aceh
 - C- Johor
 - D- Kedah
 - E- Pahang
29. Tulisan telah dikesan digunakan di dalam penulisan Batu Bersurat Terengganu.
- A- Pallawa
 - B- Jawa
 - C- Siam
 - D- Arab
 - E- Pali

30. Di kawasan manakah letaknya pusat pengajian agama Buddha yang terkenal di Alam Melayu sebelum kedatangan Islam?
- A- Majapahit
 - B- Pasai
 - C- Palembang
 - D- Sriwijaya
 - E- Bali
31. Mengapakah perkataan 'Melayu' terlalu sinonim dengan 'Islam' di Alam Melayu?
- A- agama Islam hanya untuk orang Melayu
 - B- Sifat dan budaya orang Melayu yang sesuai dengan agama Islam
 - C- Orang Melayu adalah bangsa yang mula menganut Islam dan menyebarkannya di rantau ini.
 - D- Bangsa-bangsa lain tidak memberi sumbangan langsung terhadap penyebaran Islam di rantau ini
 - E- Perkataan Melayu dan Islam itu berasal dari makna yang sama
32. Kuasa-kuasa Barat berikut pernah menjajah dan menakluki negara-negara di Asia Tenggara **KECUALI**:
- A- British
 - B- Belanda
 - C- Portugis
 - D- Amerika
 - E- Itali
33. Berikut adalah ciri-ciri pembinaan tamadun Malaysia yang berkekalan sehingga kini **KECUALI**:
- A- Kerajaan bersifat kemelayuan
 - B- Islam sebagai agama rasmi
 - C- Institusi raja dan sultan dipelihara
 - D- Pengekalan adat, tradisi serta nilai masyarakat Melayu
 - E- Mengamalkan dasar perdagangan terbuka
34. Terdapat beberapa kitab Veda dalam agama Hindu dan kitab yang dikatakan mempunyai 1000 buah lagu suci dewa ialah
- A- Rig
 - B- Sama
 - C- Yajur
 - D- Atharva
 - E- Vedarta

35. Kitab Bhagavad Gita di dalam agama Hindu mempunyai kaitan dengan:
- A- Ajaran, amalan dan undang-undang kehidupan
 - B- Nyanyian berkaitan dengan Dewa Krishna dan Arjuna
 - C- Catatan pemikiran dan pendapat terhadap kehidupan manusia dan tuhan
 - D- Catatan berkaitan dengan budaya orang India
 - E- Catatan berkaitan dengan cara menyembah tuhan
36. Berikut merupakan empat asas yang menjadi teras di dalam 'Empat Kebenaran Mulia' **KECUALI:**
- A- Hidup ini penuh derita
 - B- Penderitaan disebabkan oleh nafsu
 - C- Kemewahan akan membawa kepada penderitaan
 - D- Pengawalan nafsu melalui Jalan Lapan Lapis
 - E- Penyiksaan akan memberi kebahagiaan
37. *Caraka* dan *Susruta* merupakan dua karya yang berkaitan dengan aspek
- A- Ekonomi
 - B- Pendidikan
 - C- Perubatan
 - D- Keagamaan
 - E- Teknologi
38. Bahasa-bahasa dalam tamadun India mempunyai skrip yang tersendiri seperti di bawah **KECUALI:**
- A- Skrip Harappa
 - B- Skrip Arab-Parsi
 - C- Skrip Kharoshti
 - D- Skrip Brahmi
 - E- Skrip Ramayana
39. merupakan pemerintah dalam kerajaan Moghul yang paling terkenal terutama berkaitan sumbangannya dalam bidang ilmu pengetahuan. Beliau dikatakan menjadi pelopor kepada kewujudan Imperial College dan Darul Baqa College di India.
- A- Aurangzeb
 - B- Shah Jehan
 - C- Akhbar
 - D- Iltumish
 - E- Jahangir

40. Pemerintah pertama yang berjaya menegakkan pemerintahan Islam di India adalah:
- A- Sultan Shabudin Aibak
 - B- Muhammad Ghori
 - C- Humayun
 - D- Mahmud Ghaznawi
 - E- Sultan Babur
41. Yang manakah kenyataan di bawah ini **TIDAK BENAR** mengenai agama Jaina?
- A- Ajarannya dikatakan terpisah dari agama Hindu
 - B- Pengasasnya ialah Mahavira
 - C- Mengamalkan cara hidup konservatif
 - D- Kekuatan terletak pada penganutnya
 - E- Mengamalkan lima sumpah
42. Gautama Buddha berasal dari kasta
- A- Brahmin
 - B- Ksyatria
 - C- Vaishya
 - D- Sudra
 - E- Hairijan
43. merupakan pemerintah dinasti Maurya yang merintis zaman keemasan dan keagungan dinasti tersebut. Beliau berjaya menyebarkan agama Buddha ke seluruh pelusuk dunia.
- A- Chandra
 - B- Gupta
 - C- Asoka
 - D- Mahavira
 - E- Arjun
44. Tamadun India telah disebarkan ke seluruh benua Asia melalui dua cara yang utama iaitu:
- A- perkahwinan dan dakwah
 - B- hubungan diplomatik dan perdagangan
 - C- penyebaran agama Hindu dan Buddha
 - D- penyebaran agama Islam dan Jaina
 - E- perdaganagan dan penaklukan

45. Konsep 'Re-inkarnasi' dalam agama Hindu bermaksud:
- A- Dosa dibalas kesengsaraan dalam kubur
 - B- Kehidupan semula selepas menerima hukuman
 - C- Kehidupan semula selepas mati
 - D- Siksaan yang setimpal dengan perbuatan
 - E- Perpindahan roh kepada jasad orang lain
46. Penilaian terhadap sesuatu tamadun sama ada tamadun Islam mahupun Asia dikatakan boleh dibuat dari pelbagai aspek yang mempengaruhi kehidupan masyarakat dalam tamadun itu sendiri. Antara aspek-aspek tersebut ialah:
- I- Ilmu
 - II- Ekonomi
 - III- Politik
 - IV- Sosial
 - V- Agama
- A- I dan II
 - B- II dan III
 - C- IV dan V
 - D- I, II dan III
 - E- I, II, III, IV dan V
47. Perbezaan antara konsep ilmu yang diperkenalkan oleh Barat dan Islam ialah:
- I- Islam menggabungkan ilmu dunia dan akhirat
 - II- Islam mengutamakan ilmu akhirat daripada ilmu dunia
 - III- Barat memisahkan ilmu dunia dan akhirat
 - IV- Barat lebih mementingkan ilmu dunia daripada ilmu akhirat
- A- I dan II
 - B- I dan III
 - C- II dan IV
 - D- I, III dan IV
 - E- II dan IV
48. Di bawah ini merupakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya krisis kepercayaan terhadap agama dalam masyarakat Islam dan Asia **KECUALI**:
- A- Masyarakat tidak mempunyai maklumat tepat mengenai matlamat hidup dan keperluan manusia
 - B- Masyarakat meyakini bahawa hanya kebendaan sahaja yang dapat memberi kepuasan kepada mereka
 - C- Masyarakat meyakini bahawa nilai kebendaan sahaja dapat menilai status seseorang
 - D- Masyarakat berusaha membezakan antara kebenaran dan kebatilan
 - E- Pendewaan terhadap ilmu sains kerana akan memperolehi apa sahaja yang dihajati

49. Antara berikut merupakan sistem ekonomi yang diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat di dunia sekarang **KECUALI**:
- A- Kapitalis
 - B- Sosialis
 - C- Komunis
 - D- Islam
 - E- Nasionalis
50. Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, terdapat beberapa golongan yang dijadikan sebagai tempat rujukan oleh pemerintah dalam menyelesaikan masalah masyarakat. Antara golongan tersebut ialah:
- I- Pawang
 - II- Ahli nujum
 - III- Bomoh
 - IV- Ulama
- A- I dan II
 - B- II dan III
 - C- I dan III
 - D- I, II dan III
 - E- I, II, III dan IV
51. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan sesuatu tamadun manusia di dunia ini?
- I- Ekonomi
 - II- Persekitaran
 - III- Politik
 - IV- Kemanusiaan
 - V- Kemasyarakatan
- A- I dan II
 - B- III dan IV
 - C- I dan III
 - D- II, IV dan V
 - E- I, II, III, IV dan V
52. Negara-negara di dunia ini seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan Jepun telah dikategorikan sebagai negara dari segi perkembangan ekonominya.
- A- Negara maju
 - B- Negara membangun
 - C- Negara mundur
 - D- Negara separa membangun
 - E- Negara sederhana

53. Antara negara berikut telah menerima sumbangan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika negara di rantau Asia mengalami krisis kewangan pada tahun 1997-98, **KECUALI**:

- A- Thailand
- B- Filipina
- C- Indonesia
- D- Korea Selatan
- E- Malaysia

54. *“Suatu masyarakat yang kuat ekonominya adalah juga masyarakat yang kuat politiknya”.*

Daripada kenyataan di atas, apakah yang dapat kita fahami daripadanya?

- I- Negara yang kuat ekonominya mampu untuk menyebarkan dan menekankan pengaruh politiknya ke seluruh dunia.
- II- Negara yang kuat ekonominya mampu untuk menjatuhkan sesuatu kerajaan yang tidak disukainya dan menggantikannya dengan yang lain
- III- Negara yang kuat ekonominya walaupun kecil bentuk geografinya dapat mempertahankan dirinya daripada pihak luar.

- A- I dan II
- B- II dan III
- C- I dan III
- D- I, II dan III
- E- I sahaja

55. Perkara-perkara berikut merupakan elemen penting yang membentuk falsafah beragama kepada agama-agama besar seperti Islam, Budha, Hindu dan sebagainya **KECUALI**:

- A- Kepercayaan kepada aspek ketuhanan
- B- Doktrin kesejahteraan
- C- Upacara pengorbanan tertentu
- D- Kitab-kitab suci
- E- Kod tingkah laku

56. Berikut merupakan faktor-faktor penjajahan Barat ke atas negara-negara Asia **KECUALI**:

- A- Ideologi
- B- Ekonomi
- C- Kekayaan
- D- Perkahwinan
- E- Kekuasaan

57. Kesemua tamadun yang ada di Asia telah merasai kesan daripada interaksi dengan Barat. Tamadun yang paling cepat memanfaatkan interaksi tersebut ialah:
- A- Melayu
 - B- China
 - C- India
 - D- Jepun
 - E- Indo-china
58. Menurut Ibn Khaldun, sesuatu kerajaan atau dinasti itu tidak mampu bertahan lebih daripadadilihat dari segi kekuasaan.
- A- Satu generasi
 - B- Dua generasi
 - C- Tiga generasi
 - D- Empat generasi
 - E- Lima generasi
59. Perang Salib (1096-1273M) antara Barat dengan Islam adalah bermotifkan:
- A- Agama
 - B- Ekonomi
 - C- Politik
 - D- Perkauman
 - E- Ilmu pengetahuan
60. *"Jatuh bangun sesuatu tamadun dalam masyarakat manusia bergantung kepada sejauh mana masyarakat itu mampu memberi reaksi terhadap cabaran mendatang"*
- Siapakah yang mengeluarkan kenyataan di atas?
- A- Arnold Toynbee
 - B- HAR Gibb
 - C- Ibn Khaldun
 - D- Francis Fukuyama
 - E- Francis Bacon
61. Secara umumnya sesuatu masyarakat yang kuat ekonominya adalah juga masyarakat yang kuat
- A- Agamanya
 - B- Politiknya
 - C- Sosialnya
 - D- Pendidikannya
 - E- Budayanya

62. Di Amerika dan Eropah pernah kedengaran istilah 'Yellow Peril' (bahaya kuning). Secara khusus istilah ini merujuk kepada
- A- China
 - B- Jepun
 - C- India
 - D- Melayu
 - E- Singapura
63. Apakah yang dimaksudkan dengan 'beban bangsa kulit putih' (white man' s burden)?
- A- Beban tanggungjawab untuk menyebarkan ajaran Kristian
 - B- Beban tanggungjawab dalam aktiviti penjelajahan dan penjajahan
 - C- Beban tanggungjawab dalam menyebarkan agama Yahudi
 - D- Beban tanggungjawab mentamadunkan masyarakat dunia
 - E- Beban tanggungjawab mentadbir negara jajahan
64. Menurut pendapat ahli antropologi, penduduk awal (orang asli Jepun) yang mendiami kepulauan Jepun dikenali sebagai
- A- Kojiki
 - B- Shoki
 - C- Heian
 - D- Shogun
 - E- Ainu
65. Berdasarkan perspektif Mitologi, kepulauan Jepun dikatakan telah dicipta oleh dua Tuhan atau Dewa yang berasal dari syurga. Kedua-dua Tuhan tersebut ialah:
- A- Amaterasu dan Nihogi
 - B- Omikami dan Susano
 - C- Eitoku dan Sanraku
 - D- Izanami dan Izanagi
 - E- Nikata dan Hidateshu
66. "Kerajaan ini tertumpu di selatan Kyushu hingga ke utara Honshu. Penduduknya dikatakan berasal dari Korea dan wujud di sekitar tahun 300SM hingga 250M"
- Kenyataan di atas merujuk kepada era pemerintahan kerajaan
- A- Jomon
 - B- Kofun
 - C- Yayoi
 - D- Asuka
 - E- Meiji

67. Yang manakah benar mengenai agama Shinto di Jepun?

I- Agama asal penduduk Jepun

II- Berasal dari perkataan Cina '*Shin Tao*'

III- Tuhan Shinto dikenali sebagai '*Kamu*'

IV- Mempunyai bentuk penyembahan tuhan yang tertentu

A- I, II dan III

B- I dan II

C- II, III dan IV

D- II dan IV

E- I, II, III dan IV

68. Ketika zaman kerajaan Tokugawa (1600M-1867M), pemerintahnya telah mewujudkan satu sistem kelas dalam masyarakat. Ia dikenali dengan nama

....

A- Bakafu

B- Kuge

C- Daimyo

D- Samurai

E- Suzuki

69. Agama Kristian mula memasuki negara Jepun pada

A- Abad ke-14

B- Abad ke-15

C- Abad ke-16

D- Abad ke-17

E- Abad ke-19

70. Era pemerintahan Yamato yang wujud di sekitar tahun 300-800M di anggap sebagai sesuatu yang penting dalam sistem politik dan pemerintahan Jepun kerana:

A- Dipercayai sebagai pengasas kepada sistem politik yang berteraskan kerajaan beraja.

B- Mengasaskan kerajaan shogun

C- Membuat hubungan diplomatik dengan dunia luar

D- Menyerang Korea dan China

E- Menjadikan Tokyo sebagai bandar utama pemerintahan mereka

71. Berikut adalah benar mengenai peranan maharaja dalam sistem kerajaan berparlimen di Jepun yang mula diperkenalkan pada tahun 1890 **KECUALI**:
- A- Maharaja memegang kuasa eksekutif dan perundangan dengan persetujuan parlimen
 - B- Maharaja merupakan kuasa tertinggi angkatan tentera darat
 - C- Maharaja merupakan pemerintah tertinggi angkatan tentera laut.
 - D- Maharaja tidak mempunyai kuasa mengisytiharkan perang dan menandatangani perjanjian
 - E- Maharaja di anggap suci dan '*inviolable*'
72. Antara kandungan yang terdapat dalam perjanjian Amerika dan Jepun pada tahun 1858 ialah:
- I- Penempatan seorang konsul Amerika di Jepun
 - II- Pengharaman perdagangan candu di Jepun
 - III- Pembukaan dua buah pelabuhan untuk kegunaan Amerika di Shimoda dan Hakodate
 - IV- Kebebasan bagi orang asing mengamalkan agama masing-masing.
- A- I, II dan III
 - B- II dan IV
 - C- I dan II
 - D- III dan IV
 - E- I, II, III dan IV
73. Zaman dianggap sebagai zaman bermulanya hubungan di antara negara Jepun dengan Tamadun Barat.
- A- Meiji
 - B- Yayoi
 - C- Yamato
 - D- Bakafu
 - E- Tokugawa
74. Antara faktor yang membantu kejayaan bangsa Jepun dalam memodenkan negaranya ialah:
- I- Pemimpinnya berpegang kepada penggunaan ilmu pengetahuan barat dalam memajukan negara
 - II- Sistem feodal dihapuskan dan diganti dengan sistem pemerintahan monarki berpelembagaan
 - III- Memperkenalkan sistem pendidikan moden
 - IV- Campur tangan Barat dalam perkara yang berkaitan dengan ketenteraan
- A- I, II dan III
 - B- II dan III
 - C- II dan IV
 - D- I dan IV
 - E- I, II, III dan IV

75. Badan Perundangan di negara Jepun dikenali sebagai
- A- Yedo
 - B- Fudai
 - C- Sarkin Kotai
 - D- Toikoku Gikai
 - E- Bakafu
76. Masjid yang pertama di Jepun telah didirikan pada tahun 1935 di
- A- Tokyo
 - B- Kobe
 - C- Hokaido
 - D- Kyushu
 - E- Hokadate
77. Kemenangan negara Jepun dalam Perang China-Jepun (1894-1895) dan Perang Rusia-Jepun (1904-1905) berlaku di dalam era pemerintahan kerajaan
- A- Togukawa
 - B- Kamakura
 - C- Ashikaga
 - D- Meiji
 - E- Taisho
78. Bahasa Jepun diistilahkan sebagai bahasa '*orphan*' bersama dengan bahasa Korea kerana:
- A- bahasa yang tidak mempunyai keluarga
 - B- bahasa yang menggunakan tulisan kanji
 - C- bahasa yang diasaskan oleh anak yatim
 - D- bahasa yang sukar difahami
 - E- bahasa yang tidak boleh diterjemahkan
79. Tulisan yang diguna-pakai untuk menyelaraskan penterjemahan kitab-kitab Buddha yang di bawa daripada negara China ke dalam bahasa Jepun dikenali sebagai
- A- Higana
 - B- Menomonik
 - C- Kana
 - D- Katakana
 - E- Hirugishi

80. Yang manakah di bawah ini menggambarkan susunan kelas sosial di dalam era pemerintahan Tokugawa?

- A- Daimyo, Samurai, peniaga, tukang dan petani
- B- Tokugawa, Daimyo, Samurai, petani dan peniaga
- C- Daimyo, Samurai, petani, tukang dan peniaga
- D- Daimyo, peniaga, Samurai, tukang dan petani
- E- Samurai, Tokugawa, Daimyo, peniaga dan petani

BAHAGIAN B:Soalan Esei: Jawab semua soalan.

1. Tamadun China mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri berbanding dengan tamadun-tamadun lain. Bincangkan **CIRI-CIRI** yang ada di dalam tamadun tersebut yang membezakannya dengan tamadun lain.

(10 markah)

2. Analisa teori kedatangan Islam ke Alam Melayu berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli sejarah.

(10 markah)